

Seni Majaz Dalam Bahasa Melayu: Analisis Berdasarkan Ilmu Balaghah Arab

*The Art of Majaz in the Malay Language: An Analysis based on
Arabic Rhetoric*

Gamal Abd Nasir bin Hj Zakaria
gamal.zakaria@ubd.edu.bn

Sultan Hassanal Bolkiah Institute of Education, Brunei Darussalam

Abu Hassan bin Abdul*
ahassan@fbk.upsi.edu.my

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia

Mohd Zaki Abd Rahman
mzakirah@um.edu.my

Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

Wahibah Twahir @ H.Tahir
wahibah@fsk.upsi.edu.my

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan membincangkan seni majaz dalam bahasa Melayu berdasarkan kerangka ilmu balaghah Arab. Perbincangan ini penting kerana sehingga kini konsep, kategori dan bentuk majaz dalam bahasa Melayu belum tersusun dalam suatu kesatuan ilmu yang jelas dan sistematik khususnya dalam pengajian ilmu retorik. Perkembangan semasa menunjukkan bidang retorik semakin tersisih dalam pengajian linguistik dan kesusasteraan Melayu disebabkan kurangnya inovasi untuk merekayasa disiplin ini agar lebih menampakkan kedinamikan dan kerelevanannya dengan pandangan alam dan budaya Melayu yang tulen. Kajian berbentuk kualitatif dan kontrastif ini menggunakan data seni majaz dari sumber al-Quran dan melihat persamaannya dalam komunikasi penutur Melayu di media massa dan perbualan harian. Dapatan kajian menunjukkan terdapat banyak persamaan berbanding perbezaan antara seni majaz dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. Dapatan ini sekaligus membuktikan potensi besar majaz berdasarkan tradisi Arab ini diperkasakan dalam sistem retorik Melayu sebagai pembaharuan terhadap retorik tradisi Barat. Keberhasilan meletakkan seni majaz sebagai sebahagian daripada ciri dalam sistem retorik Melayu diharap akan menjadi titik tolak kepada penerokaan ciri-ciri lain dalam disiplin ini supaya nanti akan terhasil satu disiplin retorik Melayu versi baharu yang dapat menggambarkan falsafah keindahan bahasa Melayu yang sebenarnya.

Kata kunci: bahasa Melayu; retorik; balaghah; majaz; falsafah

ABSTRACT

This study aims to discuss the art of majaz or trope in the Malay language based on a framework of Arabic rhetoric. Such a discussion is important given that the concept, category, and form of majaz in the Malay language have not been organized into a systematic body of knowledge, especially in terms of the study of knowledge of rhetoric. Current developments show that the study of rhetoric is not well-researched in the linguistic study and Malay

literature due to the lack of innovation to reinvigorate this discipline to become more dynamic and relevant with the Malay culture and worldview. This qualitative and contrastive study used data related to the art of majaz from the Koranic source and examined its similarities in the communication of Malay speakers on mass media and in daily conversations. The findings showed there were more similarities than differences in the art of majaz between the Arabic language and the Malay language. Hence, these findings highlight the huge potential of majaz based on the Arabic tradition to be enhanced in the Malay rhetorical system as a new development over Western-based rhetoric. The impact of placing the art of majaz as part of the characteristics of Malay rhetoric can catalyze the exploration of other characteristics in this discipline, which can lead to the development of a body of knowledge the new version of Malay rhetoric that can highlight the beauty of the philosophy of the Malay language.

Keywords: Malay language; rhetoric; balaghah; trope; philosophy

PENGENALAN

Semenjak beberapa lama persoalan ilmu retorik Melayu kurang dibincangkan secara serius, malah dalam kebanyakan seminar berkaitan bahasa dan kesusasteraan Melayu, isu retorik kurang diberi perhatian oleh para pengkaji seolah-olah keilmuan ini tidak dianggap penting dalam epistemologi ketamadunan Melayu. Barangkali satu-satunya seminar yang membicarakan persoalan ini pernah diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1999 bertemakan Seminar Balaghah (Retorika) Arab-Melayu. Selepas itu gagasan ini kembali dilupakan. Hampir tidak ada usaha serius untuk memartabat keilmuan ini supaya akhirnya retorik menjadi satu disiplin ilmu yang dapat dipelajari secara sistematik, serta boleh dimanfaatkan dalam pendidikan bahasa Melayu sebagaimana ilmu balaghah Arab. Makalah ini cuba menghuraikan salah satu ranting ilmu retorik Melayu, iaitu seni majaz yang dimodifikasi daripada ilmu balaghah Arab. Kajian ini diharap dapat menjadi titik tolak kepada perbincangan lebih meluas bagi meletakkan disiplin ini pada kedudukan yang tinggi setaraf dengan disiplin-disiplin linguistik yang lain. Khazanah ilmu bangsa Melayu yang tidak ternilai ini harus dikaji dan diperkasakan kerana potensinya menjadi salah satu teras dalam pengajian Melayu kontemporari.

PERMASALAHAN KAJIAN

Majaz merupakan salah satu bahagian dalam pengajian ilmu balaghah Arab. Perkataan *al-balaghah* berasal daripada bahasa Arab yang bererti 'sampai.' Dari segi istilah, balaghah merujuk penyampaian makna yang indah dengan menggunakan ungkapan yang betul, fasihah serta memberi kesan terhadap jiwa pendengar sesuai dengan situasi semasa (Abdul Wahid, 2006), manakala Abdul Kadir Hussain (1977) mendefinisikan balaghah sebagai ilmu yang membicarakan cara memilih rangkaian kata yang jelas maknanya dan menyusunnya dengan cara yang indah serta menggunakan perkataan-perkataan yang sesuai dengan tujuan yang dikehendaki.

Dengan maksud lain, balaghah merupakan seni yang mengutamakan gaya bahasa yang indah dalam pelbagai bentuk. Maksud pemakaian bahasa di sini tidak hanya mencakupi aspek linguistik, tetapi juga ciri lain yang berupa penyusunan masalah yang digarap dalam suatu susunan makna yang teratur dan logik. Sebelum retorik Barat berkembang di Nusantara, ulama-ulama Melayu dipengaruhi oleh teknik balaghah Arab dalam penulisan kitab-kitab Jawi. Hal ini jelas terpancar dalam banyak teks Jawi yang mirip gaya bahasa Arab, misalnya karya *Tuhfat al-Nafis*, *Aqa'id al-Nasafi* atau *Bustanul Katibin*.

Walaupun pengaruh balaghah Arab begitu kuat mempengaruhi penulisan kitab-kitab Jawi ketika itu, namun hal ini seperti tidak mendorong ulama-ulama di Nusantara untuk menyusun kitab khusus berkaitan balaghah Melayu berdasarkan pengetahuan mereka dalam ilmu balaghah Arab. Kita mengandaikan kitab seumpama itu mungkin pernah ditulis tetapi hilang atau musnah akibat perang atau sebab-sebab lain. Yang menghairankan, meskipun ilmu balaghah sudah lama berkembang ratusan tahun di Timur Tengah, dan di Barat dikenali sebagai *rhetoric*, tetapi perkembangannya di Alam Melayu amat mendukacitakan. Balaghah hanya mendominasi pengajian bahasa Arab di pondok-pondok, pesantren dan

sekolah-sekolah diniyyah tetapi tidak mempengaruhi sistem bahasa dan sastra Melayu moden di Nusantara.

Sejarah menunjukkan selepas zaman penjajahan, hampir setiap disiplin bahasa Melayu dipengaruhi oleh teori linguistik dan kesusasteraan Barat daripada pelbagai aliran modenisme. Tiada usaha serius untuk menyerap konsep balaghah Arab dalam sistem bahasa Melayu supaya keupayaan bahasa Melayu akan lebih kukuh dan dinamik. Potensi dan prospek balaghah Melayu amat kurang dikaji bagi memperluas bidang pengajian bahasa Melayu. Pemahaman, cakupan dan definisi ilmu dalam disiplin ini masih dalam kerangka lama bersandarkan pandangan Aristotle, Francis Bacon, Francis Christensen, Hugh Blair, Richard M Weaver, Kenneth Burke atau Richard Whately yang tidak dapat dipisahkan dengan konsep *ethos*, *pathos* dan *logos* daripada tradisi retorik Yunani dan Greek (Amida, 2010). Dengan kata lain, sejak disiplin retorik diperkenalkan dalam pendidikan tinggi tanahair sekitar tahun 70-an, tiada usaha serius oleh para sarjana untuk memberi perspektif baharu terhadap bidang tersebut.

Permasalahan ini, antaranya kerana kebergantungan yang keterlaluan terhadap falsafah, konsep, teori dan dikotomi retorik Barat, selain kelemahan ahli bahasa dan kesusasteraan Melayu menguasai bahasa Arab tinggi menyebabkan kajian bersifat merentas bidang, yang berkait hubungan balaghah Arab dengan balaghah Melayu begitu kurang diterokai. Ahli bahasa Melayu terdahulu seperti Raja Ali Haji, Za'ba dan Abdullah Abdur Rahman menguasai bahasa Arab menyebabkan pengaruh bahasa Arab dan tasawur islami terpancar dalam karya-karya mereka. Misalnya, karya *Bustanul Katibin* dan *Kitab Pengetahuan Bahasa* yang membahas persoalan bahasa Melayu tetapi menggunakan pendekatan bahasa Arab.

Kesan kelemahan ini memberi impak, iaitu pengertian retorik dalam konteks pengajian Melayu hanya berkisar pada gagasan retorik Barat yang berteraskan faham sekularisme dan perbahasan klise mengenai aliterasi, asonansi, hiperbola, personifikasi, alusi, asonansi, aliterasi, anadiplosis dan sebagainya. Kerana kebergantungan yang keterlaluan terhadap epistemologi retorik Barat menyebabkan balaghah Melayu yang sangat mekar dengan estetika kelihatan kerdil dan tidak bermaya dalam pengajian Melayu kontemporari.¹

Sejarah juga memaparkan kekuatan sastra lisan yang sangat rimbun dengan ciri-ciri retorik tidak dipandang tinggi oleh Winstedt dan Wilkinson yang banyak meneliti tentang bahasa dan sastra Melayu klasik. Pandangan sempit Winstedt dan Wilkinson² dan lain-lain pengkaji Eropah terhadap sastra lisan ini dipengaruhi oleh pandangan Barat pada era penjajahan yang hanya menerima kesusasteraan tertentu sebagai *canon* sastra Melayu dan tidak mengiktiraf sastra lisan sebagai warisan penting sesuatu tamadun. Walhal sejarah tamadun ilmu dan kesusasteraan di Alam Melayu sangat berbeza dengan perkembangan tamadun di Eropah. Dengan erti kata lain, tradisi sastra Melayu yang begitu luas dan puitika tidak difahami dan dikenali oleh pengkaji dari Eropah pada zaman itu. Tragedi inilah yang diungkapkan oleh Arndt Graf (2002: xvi-xvii) dalam tulisannya:


Di dunia Melayu tradisi lisanlah yang menjadi korban pandangan yang serba sempit sehingga banyak aspek tradisi Melayu tidak dihargai dan diperhatikan. Antara genre tradisi Melayu yang terpenting ialah pidato, ucapan, surat menyurat, silat lidah, manakala yang termasuk bahasa dan sastra yang terpinggir pada zaman penjajahan ialah peribahasa, gaya bahasa dan lain-lain.

Tragedi ini berlanjutan sehinggalah Za'ba menulis *Ilmu Mengarang Melayu* (1934) dengan memberi huraian tentang konsep kepengarangan Melayu. Za'ba mengemukakan sejumlah ayat, ungkapan dan wacana yang hakikatnya membawa ciri balaghah, tetapi kajian linguistik dan sastra Melayu gagal melihatnya dalam konteks balaghah. Para pengkaji lebih cenderung menilai karya tersebut dari segi pendidikan kepengarangan sedangkan pandangan Za'ba menerusi karya tersebut menyorot gagasan ilmu yang lebih luas daripada hanya persoalan tersebut. Hanya pada tahun 1995, Hashim Awang (1995: 487) dan Asmah (2014: 157) menobatkan karya Za'ba, *Ilmu Mengarang Melayu* sebagai mencerminkan konsep retorik Melayu³. Menurut Hashim Awang (1995) Za'ba telah mendahului ahli-ahli retorik terkenal

dalam tradisi Inggeris moden kerana karyanya itu terhasil enam tahun lebih awal daripada karya *Modern rhetoric* yang ditulis oleh tokoh retorik Inggeris, Cleanth Brooks dan Robert Penn.

Za'ba menggunakan istilah 'kiasan' dengan menyenaraikan sejumlah bahasa kiasan seperti kiasan berbunga, kiasan pemanis, kiasan melompat, kiasan berpindah, kiasan bersajak, kiasan berkacau, kiasan berpindah, selain mengutarakan ragam bahasa, iaitu bahasa sindiran, bahasa tempelak, bahasa herdik, bahasa terbalik, bahasa melampau dan lain-lain (Za'ba: 1962: 206). Perlu dijelaskan bahawa walaupun entri *rhetoric* sudah lama wujud dalam kamus Inggeris, tetapi Za'ba tidak menggunakan istilah ini dalam karya-karyanya. Za'ba sebaliknya menggunakan istilah yang sudah sinonim dengan pola pemikiran Melayu klasik, iaitu 'kiasan'.

Mengapakah Za'ba tidak menggunakan istilah retorik dalam karya tersebut? Kita mengandaikan Za'ba mungkin berpendapat istilah tersebut tidak tepat untuk menggantikan istilah kiasan kerana ciri-ciri medan semantik yang berbeza. Kemungkinan kedua; istilah retorik sering membawa konotasi negatif yang sangat bertentangan dengan konsep kiasan dalam bahasa Melayu. Sebagai contoh, retorik sering diterjemah sebagai permainan kata-kata ataupun dengan maksud propaganda. Konotasi negatif inilah yang menyebabkan kosa kata retorik tidak boleh disamakan dengan kata kiasan yang memancarkan makna-makna positif dalam seni berbahasa orang Melayu. Akan tetapi disebabkan istilah 'retorik' sudah disamaertikan dengan entri balaghah dalam kebanyakan kamus dwibahasa, dan kita belum mempunyai kosa kata baharu yang boleh membawa makna sebenar balaghah, maka penggunaannya masih diperlukan buat masa ini. Secara umumnya, konsep retorik Melayu dalam Ilmu Mengarang Melayu (Za'ba, versi Rumi, 2002) boleh dipetakan kepada tiga cabang utama dan jenis-jenisnya seperti Rajah 1 berikut:



Rajah 1. Pemetaan ilmu retorik Melayu berdasarkan buku *Ilmu Mengarang Melayu* (Za'ba, versi Rumi, 2002).

Meskipun pendeta Za'ba telah menulis karya penting berkaitan retorik tetapi hakikatnya retorik Melayu belum menjadi satu disiplin ilmu yang kukuh dan berpengaruh dalam pengajian Melayu kontemporari. Permasalahan ini antaranya kerana tulisan Za'ba dalam *Ilmu Mengarang Melayu* masih memerlukan pendetailan dari segi falsafah, konsep, teori dan pecahan ilmu kerana konsep retorik Melayu merupakan gagasan baharu dalam pengajian Melayu. Banyak aspek yang membezakannya dengan konsep retorik Barat dan memerlukan modifikasi dan inovasi dari segi falsafah, prinsip dan nilai kemelayuannya

sebelum dapat dimartabatkan menjadi satu disiplin ilmu yang setaraf atau hampir menyamai studi balaghah Arab.

Satu lagi persoalan penting berkaitan isu ini ialah - adakah ilmu retorik Melayu dapat dibentuk berdasarkan acuan ilmu balaghah Arab? Menurut kajian Salmah Ahmad (Balkis, 1999) ciri-ciri balaghah memang terdapat dalam bahasa Melayu, tetapi ia tidak dihindarkan sebagai satu susunan yang lengkap dan dibukukan sebagai satu ilmu yang boleh dipelajari secara sistematik. Apa yang ada dalam bahasa Melayu lebih merupakan ilmu tatabahasa. Dengan erti kata lain, bahasa Melayu belum mempunyai satu sistem ilmu retorik yang tersusun, sedangkan ciri-ciri retorik sememangnya wujud dalam pelbagai genre bahasa, sastera dan budaya Melayu.


METODOLOGI KAJIAN


Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan berbentuk deskriptif yang menggunakan kaedah analisis kontrastif untuk menunjukkan persamaan dan perbezaan antara dua bahasa atau lebih (Kamus Linguistik, 2013). Kajian kepustakaan dipilih untuk memperoleh maklumat berkaitan dengan tajuk, permasalahan, objektif, soalan kajian, tinjauan literatur dan perbincangan (Chua, 2006). Melalui analisis kualitatif dan kontrastif ini, data dan contoh majaz dipetik dari sumber al-Quran. Justifikasi pemilihan ayat-ayat bermajazi daripada al-Quran adalah kerana ketinggian mutu dan keindahan seni balaghahnya. Manakala data persamaan majaz dalam bahasa Melayu dipungut dari komunikasi penutur Melayu di media massa dan perbualan harian dalam pelbagai situasi termasuk menerusi iklan. Selain untuk melihat persamaan dan perbezaan majaz dalam bahasa Arab dengan bahasa Melayu, kajian ini juga untuk membuktikan bahawa aspek majaz berpotensi untuk diperkasakan menjadi salah satu disiplin dalam pengajian retorik Melayu versi baharu sebagai alternatif kepada disiplin retorik berdasarkan tradisi Barat.

Pengertian Majaz Dalam Ilmu Balaghah

Seni majaz tergolong dalam ilmu al-Bayan dalam kerangka balaghah Arab. Al-bayan ditakrifkan sebagai ilmu yang membicarakan selok belok cara penyampaian sesuatu maksud melalui pelbagai tahap ungkapan, di samping mengambil kira situasi. Dalam bahasa Melayu, istilah 'bayan' telah diertikan dalam Kamus Dewan (2007) sebagai 'nyata atau terang', serta sebagai pengetahuan yang menerangkan erti dan maksud perkataan-perkataan dalam al-Quran (Noresah Baharom, et al. 2007). Dalam bahasa Melayu, kita tidak membunyikan vokal panjang yang terdapat sebutan asalnya, iaitu *al-Bayān*. Pengertian 'bayan' dalam Kamus Dewan bersifat umum dan tidak mencakupi semua aspek ilmu bayan sebagaimana dibincangkan dalam balaghah Arab. Hal ini kerana ilmu bayan mempunyai perbincangan yang lebih luas meliputi aspek - penyerupaan terus (*tashbih*), penyerupaan pindah (*isti'arah*), penyerupaan simbolik (*kinayah*) dan majaz (*majaz*).

Selain itu, istilah bayan tidak terhad kepada maksud dalam ayat-ayat al-Quran sahaja, bahkan meliputi semua ungkapan yang memenuhi ciri-ciri al-bayan dalam bahasa dan sastera Arab. Rajah 2 menunjukkan pecahan ilmu al-bayan dalam balaghah Arab dan kedudukan ilmu majaz yang menjadi fokus dalam perbincangan ini. Dalam ilmu bayan, perbincangan lebih menjurus kepada mengenali makna dan gaya penyampaiannya yang terdapat pada sesuatu ungkapan. Semasa menilai maksud sesuatu ungkapan, pertimbangan akan ditumpukan sama ada ungkapan itu digunakan secara terus terang menerusi makna langsung, atau secara kiasan yang mengandungi perumpamaan, ibarat, sindiran, lambang dan sebagainya. Oleh kerana perbincangan berkaitan ilmu al-bayan terlalu luas, maka skop perbincangan ini hanya difokus kepada salah satu cabang ilmu bayan, iaitu al-majaz.





Rajah 2. Gambaran umum kedudukan majaz dalam heiraki ilmu balaghah Arab.
Seni Majaz dan Pembahagiannya


Dalam bahasa Arab, makna langsung dipanggil makna hakiki dan makna kiasan dipanggil makna majazi. Setelah meneliti skop perbahasan ilmu bayan dalam bahasa Arab, didapati konsep bayan dalam bahasa Melayu lebih menjurus kepada bahasa kiasan. Istilah majaz telah menjadi kata pinjaman dalam bahasa Melayu, yang bermaksud; ‘hanya sebagai kiasan dan lain-lain yakni bukan sebenarnya’ (Noresah Baharom et al. 2007). Penggunaan kata untuk maksud lain daripada maksud asal perlu membawa bersamanya ‘kaitan makna’ yang dalam bahasa Arab dipanggil ‘*alaqat*’. Di samping itu, disyaratkan juga wujudnya sesuatu petanda yang menunjukkan bahawa sesuatu perkataan itu tidak boleh digunakan mengikut makna asalnya (Ahmad al-Hashimi, 2008).

Dalam budaya Melayu, seni majaz mempunyai beberapa tujuan, iaitu (i) menjaga hati dan perasaan orang lain, (ii) memelihara tradisi dan adab dalam pergaulan terutama ketika berinteraksi dengan orang lain yang lebih tinggi kedudukannya seperti ibu bapa, guru-guru, pemimpin dan para ulama, (iii) memelihara agar tutur kata menjadi lebih indah, menarik, disenangi, lebih mudah difahami dan memberi kesan kepada pendengar (Mohd Zaki, 2013).

Majaz terbahagi kepada dua bentuk, iaitu majaz dengan perkataan yang dipanggil *majaz mursal* dan majaz sandaran yang disebut *majaz ‘aqliy*. Bagaimanapun jika menurut pendisiplinan Za’ba (2002), kedua-dua majaz ini digolongkan sebagai ‘kiasan.’ Perlu dinyatakan bahawa tidak semua penjenisan dalam majaz *mursal* dan ‘*aqliy*’ yang dibincangkan dalam balaghah Arab terdapat dalam perbahasan Za’ba. Kedua-dua majaz ini (*mursal* dan ‘*aqliy*’) dapat digolongkan dalam kelompok kiasan berpindah berdasarkan pemetaan Za’ba, yang di dalamnya terdapat kiasan melompat, kiasan permanusiaan, kiasan berkacau, tamsil, ibarat, kias ibarat dan tamsil ibarat (Za’ba, 2002).

Majaz Dengan Perkataan

Majaz dengan perkataan bermaksud penggunaan kata bukan untuk maksud asal serta ada kaitan makna yang bukan berunsur penyerupaan, bahkan terdapat petanda (*qarinah*) yang menunjukkan bahawa ia tidak boleh digunakan untuk makna asal (Ahmad al-Hashimi, 2008). Majaz ini tergolong dalam kelompok majaz *lughawiy*, iaitu perkataan yang bukan menunjukkan untuk makna asalnya. Akan tetapi jika terdapat unsur penyerupaan, ia akan dimasukkan dalam kategori penyerupaan pindah (*isti’arah*). Dalam bahasa Melayu, makna yang paling hampir persamaannya dengan *isti’arah* ialah metafora, manakala antara contoh *majaz mursal* dalam bahasa Melayu yang paling dekat ialah alusi dan personifikasi. Dengan berpandukan jenis kaitan makna yang tersirat dalam sesuatu ungkapan, pendengar dapat meneka maksud yang dikehendaki oleh penutur. Antara perkaitan makna yang sering dijumpai dalam majaz bentuk perkataan ialah seperti Rajah 3 berikut:



Perkaitan Sebab

Perkaitan Alatan

Rajah 3. Penjenisan dalam majaz dengan perkataan (*al-majaz al-mursal*).

a. Perkaitan Sebahagian

Majaz jenis ini berlaku apabila disebut keseluruhan sesuatu benda/makhluk, tetapi yang dimaksudkan ialah sebahagian sahaja. Antara contoh dalam al-Quran ialah, "*Penzina perempuan dan lelaki, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat...*" (Surah al-Nur, ayat 2). Yang dimaksudkan dalam ayat suci ini bukanlah menyebat penzina pada keseluruhan badan, tetapi pada bahagian tertentu sahaja. Jadi, di sini disebut secara keseluruhan, sedangkan yang dimaksudkan ialah pada bahagian tubuh tertentu sahaja. Dalam bahasa Melayu, antara contoh majaz ini misalnya, "*Budak-budak itu minum air Sungai Kelang.*" Yang dimaksudkan dalam ayat ini bukan meliputi semua air dalam Sungai Kelang, tetapi sebahagian kecil sahaja daripada air sungai berkenaan diminum. Contoh lain dalam bahasa Melayu seperti, "*Ali! pergi ikat kambing itu*" Makna zahir ayat suruhan ini seolah-olah menyuruh Ali mengikat keseluruhan tubuh kambing, sedangkan maksud sebenar ialah mengikat pada bahagian leher sahaja.

b. Perkaitan Keseluruhan

Yang dimaksudkan kaitan keseluruhan dalam majaz ini ialah disebut sebahagian, tetapi yang dimaksudkan ialah keseluruhan. Antara contoh dalam al-Quran ialah: "*...dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama dengan orang yang rukuk*" (Surah al-Baqarah, ayat 43). Di sini disebut perbuatan rukuk yang merupakan salah satu rukun solat, sedangkan maksud sebenar ialah keseluruhan ibadah solat itu sendiri. Begitu juga halnya dengan ungkapan, "*tak pernah menghadap*" bermaksud tidak pernah mengerjakan solat, kerana perbuatan menghadapkan tubuh ke arah kiblat yang terletak di Mekah adalah salah satu rukun solat.

Persamaan dalam bahasa Melayu misalnya, "*Saya bercadang memberi sepatah dua kata dalam majlis tersebut.*" Yang dimaksudkan dalam ayat ini ialah memberi ucapan yang semestinya mengandungi banyak patah perkataan, namun disebut "sepatah dua kata" sahaja dalam bentuk majazi. Begitu juga dalam ayat berikut, "*Sudah begitu lama kami tidak nama batang hidung Ahmad.*" Yang dimaksudkan dalam ayat ini bukanlah hanya deria hidung Ahmad, tetapi meliputi keseluruhan jasad Ahmad.

c. Perkaitan Masa Depan

Majaz ini terbentuk apabila yang disebut ialah sesuatu yang belum wujud, tetapi dijangka akan wujud. Contoh majaz ini dalam al-Quran ialah, "*...Kemudian jika si suami mentalaknya (sesudah talak yang kedua), maka perempuan itu tidak lagi halal baginya hingga dia berkahwin dengan suami yang lain...*" (Surah al-Baqarah, ayat 230). Di sebut "suami yang lain" di sini bermaksud seseorang yang akan diadikah nikah dengan perempuan berkenaan. Penggunaan perkataan "suami" sebagai menggambarkan apa yang akan berlaku selepas akad nikah yang menjadikan perempuan itu mendapat suami baharu.

Dalam bahasa Melayu, Za'ba menamakan majaz ini sebagai kiasan melompat. Misalnya, "*Dia sedang memasak nasi.*" Nasi yang disebut dalam ayat ini belum wujud lagi, kerana yang dimasak sebenarnya ialah beras, tetapi nasi dijangka akan wujud setelah proses memasak beras selesai. Begitu juga dengan ungkapan menoreh getah (menoreh batang pokok getah untuk mendapat susu getah), menjahit baju (menjahit kain untuk menghasilkan baju), menggali perigi (menggali tanah untuk dibuat perigi), membakar lemang (membakar buluh yang di dalamnya diisi dengan beras untuk menjadi lemang), membalut ketupat (membalut daun palas dengan beras pulut untuk dijadikan ketupat) dan memanjat langsung (memanjat batang pokok untuk mendapat buah langsung).

d. Perkaitan Masa Lampau

Majaz jenis ini terjadi apabila yang disebut ialah sesuatu yang telah berlalu. Antara contoh dalam al-Quran, “*Bahawa sesiapa yang datang kepada Tuhannya (pada Hari Akhirat) sedang ia adalah seorang penjenayah, maka baginya neraka jahanam yang ia tidak mati dan tidak pula hidup di dalamnya*” (Surah Taha, ayat 74). Dalam ayat ini disebut istilah “penjenayah” yang merupakan sifat bagi orang berkenaan semasa hidup di dunia, sedangkan pada hari akhirat ia tidak dapat melakukan sebarang jenayah lagi. Oleh itu, penggunaan kata “penjenayah” dalam ayat ini adalah kerana mengambil kira tindak tanduk si pelaku semasa di dunia yang telah pun berlaku. Dalam bahasa Melayu, contoh majaz ini seperti seseorang yang sudah dewasa memanggil bekas gurunya dengan panggilan “Cikgu” kerana mengambil kira individu berkenaan pernah mengajarnya semasa dia berada di bangku sekolah dahulu. Dengan erti kata lain, walaupun guru tersebut sudah lama bersara, tetapi panggilan “Cikgu” yang merujuk kepada status dirinya pada masa lampau masih tetap digunakan.

e. Perkaitan Sebab

Majaz sebab atau *al-Sababiyyah* terjadi apabila yang disebut ialah sebab atau punca bagi sesuatu, tanpa menyebut hasil atau kesan daripadanya. Contoh majaz ini dalam al-Quran, “*Balasan suatu kejahatan adalah kejahatan yang serupa*” (Surah al-Syura, ayat 40). Di sini frasa kejahatan yang serupa bermaksud hukuman yang akan dikenakan. Disebut “kejahatan” sebagai balasan terhadap perbuatan jahat kerana kejahatan yang dilakukan itu merupakan sebab kepada timbulnya hukuman berkenaan. Persamaan dalam bahasa Melayu misalnya, “*Mereka sedang menjamu selera di restoren nasi kandar.*” Pada asalnya yang dijamu ialah makanan bukannya selera. Hal ini kerana selera hanya merupakan penyebab adanya keinginan untuk makan. Oleh itu penggunaan perkataan selera dalam ayat ini adalah dalam bentuk majazi sebab atau *al-Sababiyyah*.

f. Perkaitan Hasil

Majaz ini berlaku apabila yang disebut ialah hasil yang timbul daripada sesuatu sebab atau faktor tertentu. Antara contoh dalam al-Quran ialah, “*...dan Dia menurunkan untuk kamu rezeki dari langit*” (Surah al-Mukminun, ayat 13). Pada asalnya yang turun dari langit ialah air hujan, manakala yang dimaksudkan “rezeki” dalam ayat ini ialah merupakan hasil daripada penurunan hujan dari langit. Dengan erti lain, air hujan adalah faktor tumbuhnya pokok-pokok yang menjadi bahan makanan bagi penduduk di bumi. Tumbuhnya pokok-pokok ini pula adalah hasil daripada turunnya air hujan ke bumi.

g. Perkaitan Khusus

Majaz ini terbentuk apabila sesuatu perkataan yang pada asalnya digunakan untuk maksud sesuatu benda tertentu, tetapi dengan peredaran masa ia mendapat peluasan makna sehingga mencakupi benda yang lain dalam kategorinya. Antara contoh dalam al-Quran, “*Hai Nabi, bertakwalah kepada Allah dan janganlah engkau menuruti (keinginan) orang-orang kafir dan orang-orang munafik*” (Surah al-Ahzab, ayat 1). Walaupun arahan dalam ayat suci ini ditujukan kepada Nabi Muhammad SAW, tetapi maksud sebenar adalah umum yakni ditujukan kepada seluruh umat Islam.

Dalam bahasa Melayu contohnya apabila seseorang memberitahu, “*Saya hendak membeli pampers untuk anak saya.*” Yang dimaksudkan dengan perkataan *pampers* dalam ayat ini bukanlah lampin bayi berjenama *pampers*, tetapi bermaksud lampin bayi secara umum. Perkataan *pampers* digunakan kerana jenama tersebut telah menjadi terlalu terkenal dalam masyarakat. Begitu juga dengan perkataan *tupperware* yang pada asalnya adalah jenama bagi satu produk bekas menyimpan makanan dan minuman, namun lama kelamaan ia menjadi begitu popular sehingga digunakan untuk semua jenis bekas makanan yang diperbuat daripada plastik. Contoh serupa seperti ungkapan *colgate* atau *maggi*. *Colgate* adalah jenama ubat gigi, manakala *maggi* adalah jenama untuk mee segera. Tetapi realitinya kedua-dua jenama

ini sering disebut untuk mewakili keseluruhan ubat gigi dan mee segera sebagaimana ayat yang berbunyi, “*Tolong belikan colgate*” atau “*Jangan lupa belikan maggi*”. Yang dimaksudkan penutur ialah minta dibelikan ubat gigi atau mee segera tanpa mengira jenama apapun.

h. Perkaitan Umum

Majaz ini terjadi apabila sesuatu yang disebut adalah umum, tetapi yang dimaksudkan adalah khusus. Antara contoh dalam al-Quran, “...*Ataukah mereka dengki kepada manusia (Nabi Muhammad) lantaran kurnia yang Allah telah berikan kepadanya?...*” (Surah an-Nisa’, ayat 54). Perkataan ‘manusia’ yang digunakan dalam ayat suci ini bukan bermaksud umum, tetapi bermaksud khusus, iaitu kepada Nabi Muhammad SAW. Hal yang sama terdapat dalam komunikasi penutur Melayu seperti ungkapan Pak Pandir, Lebai Malang dan Pak Kadok. Semua ungkapan ini bukan bersifat umum tetapi sebenarnya ditujukan khusus kepada individu atau sesiapa sahaja yang memiliki sifat-sifat tersebut.

i. Perkaitan Tempat


Majaz tempat atau *al-Makaniyyah* terjadi apabila wujud hubungan makna dengan sesuatu tempat, lokasi atau premis dalam skala kecil atau besar. Contoh majaz ini dalam al-Quran, “...*Dan tanyalah (penduduk) negeri yang kami berada di situ...*” (Surah Yusuf, ayat 82). Perkataan “negeri” dalam ayat ini membawa maksud tempat dan kosa kata ini mengandungi kaitan tempat dengan penduduknya. Oleh itu perkataan ‘negeri’ hakikatnya merujuk kepada “penduduk” di sebuah negeri. Konsep yang sama terdapat dalam bahasa Melayu seperti “cukur kepala”. Yang sebenarnya bermaksud mencukur rambut di kepala, bukan mencukur keseluruhan kepala. Begitu juga persamaannya dengan ungkapan (i) tangan baju, iaitu bahagian baju yang membalut tangan yang juga dipanggil lengan baju, (ii) kaki seluar, iaitu bahagian seluar yang menyembunyikan kaki, (iii) kepala paip, iaitu bahagian paip air tempat air memancar keluar.

j. Perkaitan Alatan

Majaz ini terbentuk apabila wujud hubungan makna dengan alatan. Antara contoh dalam al-Quran ialah, “...*bawalah dia di (depan) mata orang ramai...*” (Surah al-Anbiya’, ayat 61). Ayat suci ini menceritakan kisah Nabi Ibrahim A.S. yang dibawa untuk disoal siasat tentang siapa yang menghancurkan patung berhala. Perkataan “mata” disebut di sini kerana merupakan deria penglihatan bagi mereka melihat sesi soal siasat berkenaan. Samalah ayat dalam bahasa Melayu seperti, “*Dari buaian hingga ke liang lahat.*” Maksud sebenar ialah dari zaman kanak-kanak sampai pada waktu meninggal dunia. Buaian yang menjadi tempat bayi dibuaikan menjadi simbol bagi masa kecil manakala liang lahat yang menjadi tempat persemadian mayat di dalam kubur menjadi simbol bagi masa kematian. Demikian juga halnya dengan ungkapan baju hujan, lidah pendeta, kalam lebih tajam daripada mata pedang dan bercebok. Kalau diteliti dalam percakapan masyarakat Melayu sehari-hari, kita akan dapati terdapat pelbagai jenis kaitan makna yang secara tidak sedar perkataan-perkataan tersebut adalah sejenis majaz alatan.

Majaz Dengan Sandaran

Majaz Sandaran bermaksud menyandarkan sesuatu perbuatan bukan kepada pelaku yang hakiki, tetapi berdasarkan adanya pertalian tertentu antara perbuatan dengan pelakunya dalam ayat, di samping wujud petanda yang menghalang daripada ia difahami secara makna zahir (Ahmad al-Hashimi, 2008). Majaz sandaran dikenali sebagai *majaz ‘aqliy* dalam balaghah Arab. Menurut Glosori Bahasa dan Kesusasteraan Arab (2004), *majaz ‘aqliy* (dapat difahami dengan akal) ialah menyandarkan kata kerja atau yang sama pengertian dengannya pada bukan makna asal perkataan itu sama ada dalam penggunaan harian ataupun merupakan proses menghubungkan perbuatan seumpamanya dengan objek sebenar berdasarkan makna zahir kerana adanya kewajaran. Terdapat empat jenis majaz berbentuk sandaran seperti ditunjukkan dalam Rajah 4.



Rajah 4. Penjenisan dalam Majaz Sandaran (*al-Majaz al-'aqliy*).

a. Sandaran Sebab

Majaz ini terbentuk apabila pelaku yang disebut merupakan penyebab atau punca bagi sesuatu perbuatan, sedangkan pelaku hakiki adalah pihak yang lain. Antara contoh dalam al-Quran, "... *Sesungguhnya Firaun telah berlaku zalim di bumi (Mesir) dengan melampaui batas...ia membunuh anak-anak lelaki mereka...*" (Surah al-Qasas, ayat 4). Dalam ayat suci ini disebut Firaun sebagai pembunuh anak-anak lelaki yang baru dilahirkan kerana tindakan membunuh dilakukan atas perintah Firaun yang menjadi penyebab, sedangkan pelaku sebenar ialah tenteranya yang melaksanakan perintah Firaun.

Dalam bahasa Melayu misalnya, "*Raja membuka negeri*". Maksud sebenar bukan raja sahaja tetapi melibatkan ramai individu yang membuka negeri dengan suruhan raja. Demikian pula dengan ayat "*Kerajaan melantik kakitangan baharu*". Yang sebenarnya bukan kerajaan yang melantik tetapi pegawai yang ditugaskan khas untuk membuat perlantikan atas arahan kerajaan. Begitu juga contoh seperti, "*Dengan ini majlis mempersilakan...*". Sebenarnya yang mempersilakan bukanlah 'majlis' tetapi orang-orang yang diamanahkan untuk menjayakan majlis tersebut. Majlis hanya menjadi sebab musabab berlakunya aturcara tersebut.

b. Sandaran Tempat

Majaz ini terjadi apabila pelaku yang disebut merupakan tempat berlakunya sesuatu, sedangkan pelaku sebenarnya tidak disebut. Antara contoh dalam al-Quran ialah, "...*Apabila bumi digegarkan dengan gegaran yang sedahsyat-dahsyatnya, serta bumi mengeluarkan segala isinya...*" (Surah al-Zalzalah: ayat 1 dan 2). Di sini perbuatan mengeluarkan disandarkan kepada bumi, sedangkan yang mengeluarkan sebenarnya ialah Allah SWT, sedangkan bumi hanya tempat berlakunya peristiwa tersebut. Bentuk yang sama terdapat dalam bahasa Melayu misalnya, "*Sungai itu mengalir deras.*" Yang mengalir ialah air di dalam sungai, bukannya sungai. Sungai hanya merupakan tempat atau saluran bagi air mengalir. Samalah juga dengan ayat, "*Kedai itu menjual pakaian,*" "*Jalanraya menjadi sesak,*" "*Kesibukan kota Kuala Lumpur*". Hal ini kerana yang menjual pakaian bukannya kedai tetapi jurujual di dalam kedai tersebut. Manakala yang sesak pula bukanlah jalanraya, tetapi kenderaan yang bergerak di atasnya. Begitu juga yang sibuk bukanlah kota Kuala Lumpur, tetapi warga kota di Kuala Lumpur yang sibuk dengan pelbagai aktiviti harian.

c. Sandaran Masa

Majaz jenis ini terjadi apabila pelaku yang disebut merupakan masa yang di dalamnya berlaku sesuatu perkara. Misalnya, "*Malamnya bersolat dan siangya berpuasa*". Yang bersolat ialah manusia, bukannya malam. Adapun waktu malam merupakan masa ketika dia mendirikan solat. Begitu juga yang melakukan ibadat berpuasa ialah individu tertentu, bukannya waktu siang. Hakikatnya waktu siang adalah merujuk masa puasa itu dilakukan oleh individu berkenaan. Persamaannya dengan bahasa Melayu seperti "*Masa itu emas*". Hakikatnya 'masa' adalah makhluk abstrak yang tidak memerlukan emas dalam kehidupannya. Yang memerlukan emas ialah manusia sebagai makhluk bernyawa dan berakal yang seharusnya bijaksana mengisi masa terluang dengan aktiviti berfaedah demi kelangsungan hidup dan menggunakan hasil usahanya di dunia ini untuk mendapat keredaan dari Allah SWT.

d. Sandaran Kata Nama Terbitan

Majaz ini terjadi apabila yang disebut merupakan kata nama terbitan. Misalnya, “*Keyakinan diri dapat mengalahkan musuh.*” Di sini kata nama terbitan ‘keyakinan’ yang berasal daripada kata akar yakin bukanlah pelaku sebenar kerana keyakinan merupakan perasaan yang bersifat abstrak. Akan tetapi yang merupakan pelaku sebenar di sebalik istilah itu ialah diri “orang yang yakin.” Persamaannya dalam bahasa Melayu seperti “*Hidup adalah satu perjuangan.*” Kata terbitan ‘perjuangan’ berasal dari kata akar ‘juang’ bukanlah pelaku sebenar kerana makna perjuangan berbentuk abstrak atau tidak nyata. Hakikatnya, pelaku sebenar di sebalik istilah ini ialah orang-orang yang berusaha keras dalam kehidupannya tanpa mengenal putus asa sehingga mencapai apa yang dicita-citakan. Itulah maksud majazi yang disandarkan pada kata terbitan tersebut.

Ciri Persamaan dan Perbezaan

Perbincangan ini telah menjelaskan bahawa sekiranya konsep balaghah Arab dijadikan asas untuk meneliti bentuk retorik Melayu maka akan terserlah pelbagai ciri majaz yang menarik dan agak berbeza dengan ciri-ciri kiasan dalam gaya retorik Barat. Bentuk-bentuk ini sebenarnya boleh diperluaskan lagi dengan menggali segala khazanah bahasa, sastera dan budaya Melayu termasuk dalam dialek-dialek Melayu di segenap pelusuk Nusantara. Apa yang jelas, terdapat banyak persamaan seni majaz dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab.

Hakikat ini menyimpulkan bahawa konsep dan ciri retorik Melayu lebih hampir dengan seni retorik Arab berbanding retorik Barat yang berteraskan tradisi Yunani. Pandangan ini sejajar dengan analisa sarjana Jerman, Arndt Graf (2008: xix) bahawa betapa penting retorik Melayu diberi inovasi baharu dengan meneliti nilai-nilai tradisi Arab-Islam, iaitu ilmu balaghah. Dalam hubungan ini, menurut Graf (2008), salah satu aspek penting ialah tentang konsep atau teori retorik asli di Alam Melayu. Hal ini kerana konsep retorik yang digunapakai dalam pendidikan bahasa hari ini diambil daripada tradisi Eropah seperti halnya konsep puitika, stilistika dan yang lain-lain. Menerusi karyanya Bibliografi Retorik Melayu Beranotasi (2008), Graf menaruh harapan usahanya mengumpul bibliografi artikel pelbagai cabang retorik Melayu dapat membantu mencari maklumat yang lebih lanjut dalam persoalan bagaimana tradisi Arab seperti balaghah yang sangat berpengaruh di Tanah Melayu mengertikan retorik Melayu. Justeru, pengajian bahasa Melayu harus kembali kepada akar budaya bangsa, iaitu tradisi linguistik Islam yang pernah memayunginya suatu ketika dahulu.

Dengan erti kata lain, pendekatan memindahkan konsep retorik Barat ke dalam bahasa Melayu dan menerapkan dalam kurikulum pendidikan bahasa Melayu harus difikirkan semula. Hal demikian kerana pendekatan ini tidak berupaya memperkasa seni retorik Melayu secara holistik kerana falsafah keilmuannya tidak serasi dengan jiwa bahasa dan sastera Melayu itu sendiri. Perkembangan semasa menunjukkan pengajian retorik baik di sekolah mahupun universiti awam kini semakin tersisih, bahkan telah mengalami fenomena ‘kejumudan’ kerana begitu lama terbiar tanpa inovasi baharu. Satu hal yang tidak boleh dinafikan seni retorik Melayu belum dikaji secara tuntas dan menyeluruh. Masih banyak gaya bahasa retorik yang tersembunyi dalam pelbagai genre bahasa, sastera dan budaya Melayu di seluruh Nusantara yang perlu dicungkil, digilap dan dipersembahkan dengan imej baharu kepada masyarakat.

Kajian ini telah membuktikan aspek majaz berpotensi untuk dikembangkan sebagai satu ranting dalam seni retorik Melayu sepertimana elemen majaz dalam balaghah Arab. Hal demikian kerana perbezaan majaz di antara kedua-dua bahasa tersebut tidak begitu ketara. Fakta ini telah dibuktikan dalam kajian Yayan Nurbayan et al. (2009) dari Indonesia berkaitan ilmu al-Bayan yang termasuk di dalamnya aspek majaz. Dalam kajian tersebut, Yayan membuktikan bahawa terdapat banyak persamaan al-Bayan bahasa Arab dengan bahasa Indonesia/Melayu, khususnya aspek *tasybih mursal*, *tasybih muakkad*, *tasybih mufassal*, *tasybih mujmal*, *tamsili*, *tasybih baligh*, *tasybih dhimni*, *majaz isti'arah tasrihiyyah*, *majaz mursal dengan berbagai 'alagahnya*, *majaz aqli*, *kinayah sifat dan kinayah nisbah*. Manakala aspek ilmu bayan yang berbeza dengan bahasa Indonesia/Melayu ialah *tasybih maqlub*, *majaz isti'arah makniyyah*, *isti'arah asliyyah*, *isti'arah tabaiyyah*, *isti'arah murashshahah*, *isti'arah mujarroдах*, *isti'arah muthlaqah* dan *kinayah mausuf*.

Dapatan kajian selanjutnya menunjukkan terdapat 9 ciri persamaan majaz dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu, manakala bagi ciri perbezaan terdapat sedikit kelainan dari segi tafsiran dan pemetaan ilmu. Seni majaz dalam bahasa Arab sudah dipetakan secara sistematik dalam ilmu bayan, salah satu daripada tiga cabang dalam ilmu balaghah Arab sejak ratusan tahun dahulu. Manakala seni majaz dalam bahasa Melayu belum lagi dipetakan dalam satu disiplin ilmu yang khusus dan terperinci sepertimana ilmu balaghah Arab. Persamaan dan perbezaan tersebut dipaparkan dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1. Ciri persamaan dan perbezaan seni majaz dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu.

Ciri Persamaan Majaz Dalam Kedua-dua Bahasa	Ciri Perbezaan Majaz	
	Bahasa Arab	Bahasa Melayu
<ol style="list-style-type: none"> 1. Majaz terdapat dalam kedua-dua bahasa sama ada dalam bentuk majaz lughawi (bahasa) atau ‘<i>aqliy</i> (akal). 2. Kedua-dua bahasa mempunyai (‘<i>alaqah lazimah</i>) yakni unsur perkaitan yang sama. 3. Sesetengah majaz dalam bahasa Melayu menyerupai majaz yang terdapat dalam bahasa Arab. 4. Terdapat persamaan antara frasa yang digunakan oleh kedua-dua bahasa. Contohnya perkataan ‘Singa’ untuk menunjukkan seseorang yang berani. 5. Terdapat persamaan antara ‘<i>alaqat</i> (perkaitan hubungan) dalam kedua-dua bahasa dalam menjelaskan sesuatu makna. 6. Terdapat pembahagian majaz berdasarkan <i>lughah</i> (bahasa) dan akal. 7. Kedua-duanya memiliki ‘<i>alaqah</i> (perkaitan) yang jelas pada penggunaan majaz. 8. Perkongsian pada penggunaan ibarat. 9. Persamaan pada penggunaan ‘<i>alaqah</i> yang pelbagai dalam menyatakan sesuatu makna. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memiliki banyak ‘<i>alaqah</i> (perkaitan) dalam menjelaskan sesuatu makna pada ayat. 2. Menggunakan sebahagian ibarat yang agak jauh daripada makna asal (termasuk dari sumber al-Quran) untuk menggambarkan tentang perasaan dalam diri dan tingkah laku. 3. Kebanyakan majaz dalam bahasa Arab berbentuk ucapan baku atau bahasa <i>fusha</i> (standard). 4. Konsep dan ciri majaz sudah dipetakan dalam ilmu bayan, salah satu daripada tiga disiplin ilmu balaghah sejak ratusan tahun dahulu. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memiliki ‘<i>alaqah</i> (perkaitan) yang sedikit untuk menjelaskan sesuatu makna pada ayat. 2. Menggunakan kebanyakan ibarat tempatan yang mempunyai ikatan dengan budaya Melayu untuk menggambarkan tentang perasaan dalam diri dan tingkah laku. 3. Kadang kala sesuatu majaz dalam bahasa Melayu tidak dianggap sebagai majaz dalam bahasa Arab. 4. Sebahagian majaz terdapat dalam bahasa Melayu baku, manakala sebahagian lagi dalam bentuk bahasa basahan, percakapan harian dan dialek. 5. Konsep dan ciri majaz belum dipetakan dalam satu disiplin ilmu yang khusus, terperinci dan berpengaruh.

IMPLIKASI KAJIAN

Usaha memperkasa seni majaz dan ilmu retorik Melayu harus dipergiat kerana ilmu ini dapat menghubungkan antara disiplin linguistik dengan kesusasteraan yang dalam konteks pendidikan di Malaysia kadang kala dilihat terpisah hingga menimbulkan pertindahan konsep, falsafah serta objektif pengajian kedua-dua bidang tersebut. Turut menyumbang kepada kekeliruan ini ialah kelemahan dari segi fokus pendidikan yakni kepentingan mempelajari ilmu tatabahasa dan ilmu keindahan bahasa terutama retorik. Terlalu banyak penekanan terhadap pendidikan tatabahasa hingga mengabaikan pendidikan tentang keindahan bahasa, sedangkan belajar selok-belok nahu dan belajar menggunakan bahasa dengan baik dan indah adalah dua hal yang berbeza. Fenomena ini menyebabkan lahirnya ramai graduan bahasa Melayu yang terlalu mementingkan ketepatan tatabahasa berbanding aspek-aspek estetika dalam berbahasa.

Tatabahasa hanya dapat mengukur ayat yang betul salah berdasarkan makna luaran, tetapi tidak dapat digunakan untuk ayat yang bersifat kiasan dan estetika. Oleh sebab kelemahan ilmu tatabahasa ini, maka penjanaaan ilmu retorik yang dapat mengukur ciri-ciri keindahan dalam bahasa Melayu secara lebih efektif amatlah diperlukan. Tegasnya, pemetaan ilmu retorik dapat menajamkan fokus pendidikan bahasa, kesusasteraan dan estetika Melayu, memberi imej dan inovasi baharu serta mengurangkan pengeseran pendapat tentang falsafah, konsep dan hala tuju bidang-bidang yang berkaitan dengan keindahan bahasa Melayu.

Sebagai cadangan bagi menyemarakkan kajian-kajian berkaitan ilmu retorik Melayu, maka kajian bersifat merentas bidang antara bahasa Melayu dan bahasa Arab harus ditingkatkan. Selain itu pelajar pengajian bahasa dan kesusasteraan Arab harus diberi peluang mengambil bidang bahasa dan kesusasteraan Melayu sebagai subjek minor atau elektif. Dengan pengetahuan mereka tentang ilmu balaghah Arab dan ditambah dengan kefahaman subjek-subjek teras dalam bahasa dan kesusasteraan Melayu, potensi ilmu retorik Melayu berkembang subur seterusnya menjadi satu disiplin ilmu yang kukuh dan berpengaruh dalam pengajian Melayu akan dapat direalisasikan.

KESIMPULAN

Melihat kepada ciri-ciri majaz dalam bahasa Melayu yang begitu bernilai, adalah perlu digemblengkan usaha mendisiplinkan seluruh konsep seni retorik dalam satu kerangka ilmu Melayu yang lebih tersusun agar kita dapat memahami dengan lebih jelas falsafah keindahan bahasa yang kita warisi selama ini. Potensi retorik menjadi ilmu yang penting dalam pengajian Melayu hanya akan tercapai jika ada kesungguhan ilmuan bahasa dan kesusasteraan Melayu di Nusantara untuk meneroka, mengkaji, menteorikan dan memetakan konsep-konsep klasik dan moden, terutama yang menyentuh seni orang Melayu berkomunikasi dan melahirkan idea secara lisan, penulisan mahupun melalui simbol-simbol. Penjanaaan disiplin retorik dengan rupa dan versi baharu diyakini dapat membuka ruang perbincangan ilmiah yang lebih bermakna dalam perjuangan kita memperluas cakupan ilmu dalam pengajian Melayu serta mengangkat martabat bahasa Melayu ke tahap yang lebih cemerlang.

NOTA Hujung

1. Hakikat bahawa bahasa Melayu harus kembali kepada fungsi asalnya sangat dirasakan melihat arus pendidikan semasa yang nampaknya gagal melahirkan generasi yang luhur akal budi dan sahsiahnya. Pembelajaran bahasa Melayu kini sudah amat jauh menyimpang daripada tradisi pengajian bahasa dalam tasawur Islami, iaitu sebagai alat mengenal Allah SWT dan seluruh kewujudan-Nya, selain untuk memperoleh ilmu yang benar yang akan membawa kepada keyakinan, ketakwaan dan mengenal adab kesopanan yang mulia. Fenomena kemusnahan akal budi ini menurut Hashim Musa merupakan suatu malapetaka, suatu bala dan suatu tragedi kepada orang Melayu Islam apabila dalam pengajian dan pembelajaran bahasa ibundanya, konsep-konsep utama yang menjadi asas pembentukan kefahamannya terhadap sistem kosmologi, ontologi dan epistemologinya yang benar dan tepat tidak dapat disampaikan lagi. Lihat Hashim Musa (2008: 25).

2. Menurut Graf, persepsi pengkaji Eropah ini ada hubungannya dengan pertentangan semacam ‘perang dingin’ di Eropah antara ahli kesusasteraan dengan ahli retorik. Yang kalah dalam perang dingin itu ialah ahli retorik menyebabkan retorik tidak lagi diajar di sekolah dan universiti. Akhirnya bahagian stilistik daripada ilmu retorik telah diambil alih oleh ilmu linguistik. Kesannya banyak genre retorik yang tidak lagi diperhatikan, antaranya termasuklah pidato atau genre penulisan seperti syair. Pada abad ke-19, baik di Eropah mahupun di luar Eropah bidang retorik terus tenggelam dan disisihkan. Lihat Andt Graf (2008: xvi-xvii).
3. Beberapa perbincangan tentang konsep retorik Melayu pernah diutarakan, misalnya pandangan Mohd Affandi Hassan (1994: 34) yang mengelompokkan *Puitika Sastera Melayu* (1989) oleh Sasterawan Negara, Muhammad Haji Salleh sebagai cerminan retorik Melayu, khususnya konsep sastera, teks, genre, khalayak dan pengarang dalam konteks penglipur lara, pawang, bidan, penghulu, selampit, dalang, Awang Batil dan sebagainya. Seterusnya menurut Affandi, apa juga usaha untuk menarik minat penonton dalam penglipur lara, Tok Selampit dan Awang Batil adalah elemen retorik seperti cerita-cerita tambahan, penggunaan suara, lagu, batil, gendang, patung dan sebagainya. Orang Melayu jelas beliau lebih mementingkan retorik daripada genre untuk mencapai sesuatu maksud. Dengan pengertian lain orang Melayu lebih mengutamakan matlamat daripada hanya pengucapan yang terlalu umum dan ketat peraturannya. Perkara ini juga bermakna untuk memahami karya-karya Melayu, lebih mudah mengkaji dari aspek sistem retoriknya berbanding sistem puitika. Menerusi penelitian ini, barulah dapat diuraikan dengan lebih jelas mengapa karya-karya orang Melayu bercorak didaktik dan mengutamakan ajaran moral. Lihat Mohd Affandi Hassan, (1994).
4. Satu percubaan memartabatkan konsep retorik Melayu berteraskan sumber Islam pernah dilakukan oleh Sanad Md. Nasir menerusi gagasan At-Qakum untuk memberi pembaharuan terhadap bidang pengajian Melayu yang berkaitan retorik. Gagasan At-Qakum menerapkan prinsip-prinsip utama, iaitu *allamahulbayan*, *liya'budu*, *liyubaiyina* dan *wakhtilaf* untuk melihat pengajian bahasa Melayu secara lebih luas tanpa terlalu terikat dengan metodologi pengajian bahasa mengikut acuan Barat. Menurut Sanad, kajian bahasa selama ini begitu terikat dengan rasionalisme dan empirisme. Retorik Aristotle misalnya melihat retorik sebagai seni dan lebih menumpukan pada pemujukan, sedangkan retorik moden melihat retorik secara saintifik dan lebih menumpukan kepada keberkesanan retorik. Keberkesanan semata-mata tidak mencukupi. Perlu jelas dengan bukti yang benar, iaitu *baiyyinah* dan bukan bukti palsu atau *fraud*. Dalam erti kata beradab dan berakhlak sebagai retor, bukan seperti etos Aristotle yang merujuk intelek yang tertinggi. Etos retor perlu di bawah bimbingan wahyu seperti maksud dalam al-Quran surah al-Ahzab (33), ayat 21 dan surah al-Qalam (68) ayat 4. Tambah Sanad, bahasa menurut At-Qakum seharusnya jauh lebih menyeluruh dan lebih mendalam supaya serasi bukan sahaja dengan bawaan diri orang Melayu yang terpancar melalui bahasanya tetapi matlamatnya harus jelas serta ada hubungan dengan falsafah ilmu dalam Islam, iaitu untuk mentauhidkan Allah SWT dan menjadi manusia yang bertakwa seterusnya mencapai tingkat kepaadaan At-Qakum. Daripada gagasan ini, Sanad mengemukakan Model Retorik Paling Luas (RPL) yang melihat retorik bukan sahaja alat untuk pemujukan tetapi menggunakan bahasa untuk tujuan ibadah. Beliau mengkategorikan retorik klasik Barat sebagai retorik sempit (RS), retorik moden Barat sebagai retorik luas (RL), manakala retorik paling luas (RPL) merujuk konsep retorik yang bersendikan prinsip-prinsip Islam sebagai pijakan utama. Lihat Abu Hassan (2008) dan Sanad (2017).

RUJUKAN

- Abdullah b. Mohamad (Nakula). (1980). *Falsafah dan Pemikiran Orang-orang Melayu, Hubungannya dengan Islam dan Kesenian*, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia.
- Abdul Kadir Husain. (1977). *Fan al-Balaghah*. Kaherah: Muassasah al-Risalah.
- Abdul Wahid Salleh. (2006). *Ilmu Al-Ma'ani*. Kuala Terangganu: Bayt al- Hikmah.
- Abdul Wahid Salleh dan Norazmazura Muhammad. (2018). *Pengenalan Ilmu al-Balaghah*. Bangi: Darul Syakir Enterprise.
- Abi Fatih Machfuzhi Al-Qandaniy. (2016). *Intisari Ilmu Balaghah*. Yogyakarta: Lentera Kreasindo.
- Abu Hassan Abdul et al. (2020). Reinigorating Rhetorical Art in the Malay Study through the Use of Figurative *Taukeed*. *TEST Engineering & Management Journal* (Scopus), 83 (3-4), 1515-1523.
- Abu Hassan Abdul. (2008). *Strategi Retorik Dalam Autobiografi Melayu. Perbandingan Karya Hamka dengan Shahnon Ahmad*. Tesis PhD. Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

- Ahmad al-Hashimi. (2008). *Jawahir al-Balaghah*. Beirut: Muassasah al-Ma'arif.
- Ahmad Nabil Amir. (2019). Falsafah Pemikiran Sastra Islam. *Jurnal Kajian Ilmu-ilmu Keislaman*. 5 (1), 165-180.
- Arndt Graf. (2002). *Bibliografi Retorik Melayu Beranotasi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amida Abd Hamid (2014). *Retorik, Yang Indah Itu Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (2014). *Za'ba: Ahli Fikir dan Ahli Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Balkis Hj Abu Bakar et al. (1999). *Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab - Melayu*, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab*. (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harimurti Kridalaksana (2013). *Kamus Linguistik*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Hashim Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad Ke-21*, Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Affandi Hassan. (1994). *Medan-Medan Dalam Sistem Persuratan Melayu*, Kota Bharu: Kelantan: Penerbit Tiga Puteri.
- Mohd Zaki Abd Rahman et al. (2015). *Balaghah Melayu Berdasar Balaghah Arab: Satu Pengenalan Dalam Ilmu Bayan*. Serdang: UPM Press.
- Noresah Baharom et al. (2007). *Kamus Dewan*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raja Ali Haji. (2005). *Bustanul al-Katibin*. Edisi Rumi. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Raja Ali Haji. (2005). *Kitab Pengetahuan Bahasa*. Edisi Rumi. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Sanad Md Nasir. (2017). *Teori Bertanda At-Qakum Dalam Bahasa Melayu*. Risalah yang tidak diterbitkan. Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- Yayan Nurbayan et al. (2009). Pengembangan Materi Ajar Balaghah Berbasis Pendekatan Kontrastif Untuk Meningkatkan Kualitas Mahasiswa Bahasa Arab FPBS UPI. *Jurnal Penelitian*. 10 (2). 1-13.
- Za'ba. (2002). *Ilmu Mengarang Melayu*. Edisi Rumi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za'ba. (2004). *Bahasa Melayu: Kelebihan dan Kekurangannya*. Edisi Rumi. Kuala Lumpur: Klasika Media-Akademi Jawi Malaysia.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada penyelidikan FRGS 2015-0165-107-02 di bawah Geran FRGS di bawah tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia. Terima kasih kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan UPSI di atas sokongan dan galakan yang diberikan oleh kepada pasukan penyelidik.